

04 OCT 2002

Gerakan-Kerk

PEMUDA DAN WANITA GERAKAN DIGESA TINGKATKAN KEUPAYAAN PENGURUSAN

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Pemuda dan Wanita parti Gerakan, sebagai pemimpin masa depan parti itu, hari ini digesa mempertingkatkan keupayaan mereka dalam menguruskan segala aspek diri mereka.

Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting berkata Pemuda dan Wanita haruslah memberi perhatian serius terhadap pengurusan diri sendiri, keluarga dan kewangan masing-masing.

"Jika Pemuda dan Wanita berjaya menguruskan diri sendiri, mereka akan juga mampu menguruskan organisasi parti dari peringkat cawangan, bahagian, negeri mahupun nasional," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Pemuda dan Wanita Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

Pemuda dan Wanita Gerakan masing-masing adalah penentu masa depan parti itu dan sebagai pemimpin parti, mereka harus menunjukkan teladan yang baik dengan menguruskan diri mereka sebelum menolong rakyat.

"Harapan Gerakan terhadap Pemuda dan Wanita adalah besar. Jika Pemuda dan Wanita memainkan peranan mereka, maka masa depan Gerakan akan menjadi cerah," katanya.

Beliau berkata kepekaan dan sensitiviti Pemuda dan Wanita terhadap perkembangan dunia dan negara harus juga dipertingkatkan.

Kemampuan untuk bertindak dan menunjukkan reaksi yang tepat dan cepat mengenai sesuatu isu adalah perlu untuk kedua-dua bahagian penting parti itu.

"Melalui kajian dan penelitian menggunakan data-data dan maklumat terperinci, maka kita dapat menggubal strategi untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi rakyat dan negara.

"Tanpa penyelidikan dan data-data yang mencukupi, reaksi kita kepada sesuatu isu mungkin mengakibatkan penggubalan dasar atau keputusan yang tidak tepat," katanya.

Kerk berkata Gerakan menaruh harapan besar agar Pemuda dan Wanita akan menganjurkan lebih banyak kajian dan penelitian mengenai isu-isu serta menjalankan aktiviti-aktiviti selaras dengan misi Pemuda dan Wanita.

Bercakap mengenai politik negara, beliau berkata Malaysia akan memasuki era baru selepas kepimpinan negara beralih daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Peralihan kuasa secara teratur dan lancar ini sesungguhnya adalah satu keunikan politik di Malaysia yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

"Sebagai salah sebuah parti komponen dalam Barisan Nasional (BN), Pemuda dan wanita Gerakan mempunyai tanggungjawab bersama dengan badan induk untuk membantu kerajaan BN menangani isu-isu yang timbul serta memenangi pilihan raya umum akan datang," kata Kerk.

-- BERNAMA

SR AHH PR